

19 MAY 2001

MIC-Samy (Politik)/Bergambar

FAHAMI REALITI POLITIK, KATA SAMY VELLU KEPADA ANGGOTA PARTI

JOHOR BAHRU, 19 Mei (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu hari ini menyeru anggota parti itu supaya memahami realiti politik di negara ini dan mengingatkan mereka politik di masa depan pasti lebih mencabar.

"Parti itu mesti memainkan peranan baru untuk mencetuskan perubahan dalam masyarakat India," katanya di perasmian perhimpunan agung MIC ke 55, di sini.

Perhimpunan dua hari itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN).

Beliau berkata, bilangan kelas pertengahan pada masyarakat India yang meningkat dan desakan ruang demokrasi yang lebih daripada mereka membawa implikasi dan cabaran baru dalam politik.

"Kita perlu memikirkan daripada segi aktiviti berorientasikan tindakan yang akan memuaskan keperluan masyarakat India dan memastikan kemajuan mereka dalam masyarakat," katanya.

"Kita perlu memahami realiti politik di sekeliling kita dan tidak hilang arah akan peranan dan tanggungjawab kita terhadap masyarakat dan negara."

MIC, kata beliau, telah memperkukuhkan kekuatan politiknya sejak dua dekad lepas daripada 240,000 anggota pada 1984 kepada 548,000 anggota pada tahun 2000 iaitu pertumbuhan sebanyak 163 peratus. Jumlah cawangan juga meningkat daripada 700 kepada 4,300 dalam tempoh yang sama.

Tahun ini parti berkenaan telah memulakan kempen untuk meningkatkan keanggotaan dengan membuka 1,100 lagi cawangan baru yang dijangka akan meningkatkan bilangan keanggotaan kepada 650,000 orang.

"Dalam memperjuangkan hak masyarakat India di Malaysia parti itu juga perlu mempertimbangkan aspirasi masyarakat lain, kepentingan bersama dan kemajuan negara secara amnya".

Mengenai pendidikan, parti itu memberi penekanan kepada aspek itu memandangkan pendidikan ialah medium penting bagi kemajuan sosial dan ekonomi masyarakat itu dan untuk mencapainya parti itu menubuhkan kolej TAFE yang sehingga ini telah membolehkan lebih 16,000 pelajar dari semua kaum menjadi profesional dan separa profesional.

Institut Pembangunan Pendidikan Maju, kata Samy ditubuhkan untuk memberi bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman bagi pelajar-pelajar miskin daripada semua masyarakat dan sehingga hari ini telah menghulurkan pinjaman kepada lebih 8,000 penuntut.

Bagaimanapun, beliau berkata masalah yang dihadapi masyarakat India ialah tempat-tempat bagi bidang yang mencabar daripada segi intelek adalah kurang dengan ramai ibu bapa kecewa dengan kursus yang ditawarkan kepada anak mereka di IPTA.

"MIC menyeru kerajaan untuk mengkaji semula sistem sedia ada bagi pengambilan pelajar universiti untuk memastikan terdapat lebih banyak tempat bagi penuntut-penuntut yang layak," kata Samy.

Mengenai sekolah-sekolah Tamil, beliau berkata 16 sekolah Tamil akan dibina semula dalam tempoh dua tahun akan datang dengan kos RM13.9 juta untuk menyediakan kemudahan lebih baik kepada lebih 6,000 kanak-kanak, kebanyakannya daripada kumpulan berpendapatan rendah.

Beliau berkata, MIC telah memulakan penubuhan Institut Asia Bagi Perubatan, Sains dan Teknologi di Semiling, Kedah selepas sedar akan cabaran pendidikan di masa depan.

Mengenai kemiskinan Samy berkata, sementara kerajaan berusaha membasmi kemiskinan di kalangan rakyat negara ini, masih terdapat tempat-tempat di Lembah Klang yang penduduknya miskin.

Beliau berkata, sementara MIC gembira dengan 23,000 rumah kos rendah yang dirancang di bawah Rancangan Malaysia Ke 8 (RMK8), ia berpendapat Kerajaan Persekutuan perlu membina lebih banyak rumah di pinggir bandar-bandar kecil untuk menyediakan perumahan lebih baik bagi penduduk luar bandar termasuk pekerja estet.

Beliau berkata MIC tidak sahaja menunjukkan reaksi apabila timbul masalah tetapi mengamalkan langkah-langkah proaktif dan pencegahan dalam menangani kepentingan masyarakat itu sepanjang masa.

Penubuhan Yayasan Strategik Sosial, sayap sosial parti itu yang mempunyai lebih kurang 20 kakitangan penuh masa, adalah bukti kepada ini.

"MIC juga memandang serius jenayah, keganasan dan masalah sosial di kalangan pemuda masyarakat itu dan telah melancarkan Kempen Anti Keganasan di seluruh negara untuk membanteras jenayah dalam masyarakat itu," katanya.

Beliau berkata, parti itu telah mewujudkan rangkaian program yang luas selaras dengan Sistem Pengurusan Sosial (Pintas) dan sedang bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan seperti Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia untuk mencapai objektifnya.

-- BERNAMA

SR ES PR